


'Saya menjerit minta mereka keluar'



Kenderaan mangsa di lorong kecemasan sebelum hangus dilanggar lori yang hilang kawalan (gambar kanan) di LPT2, petang semalam.

Hulu Terengganu: "Saya sempat menjerit supaya mereka menyelamatkan diri sebelum melompat melepasi penghadang lebuh raya bagi menyelamatkan diri sebelum lori terbabit merempuh kereta mangsa dan menyeretnya sejauh kira-kira 70 meter.

"Kesan heretan itu menyebab-

kan kereta dan lori terbakar. Saya kemudian menghubungi bantuan bomba dan ambulans sebelum cuba membantu tetapi mereka terperangkap dalam remukan," kata Kamarudin Had-ram, saksi nahas di Kilometer 386.6, Lebu Raya Pantai Timur LPT2, di, petang semalam.

Kamarudin, 43, yang juga pemandu trak tunda, berkata dia dalam perjalanan dari Dungun ke Hulu Terengganu.

Setibanya di lokasi, dia melihat sebuah kereta berhenti di tepi lebuh raya dan kanak-kanak berlari-lari di belakang kenderaan terbabit.

"Saya berhenti trak dan melintas laluan sambil memaklumkan kepada seorang wanita dipercayai ahli keluarganya.

"Saya nasihatkan budak itu masuk dalam kereta kerana bimbang kejadian tidak diinginkan," katanya ketika ditemui di lokasi nahas itu, semalam.

Kamarudin berkata, selepas kanak-kanak terbabit masuk ke dalam kereta, dia bertanya wanita berkenaan berhubung kerosakan yang dialami.

"Dalam kereta itu ada seorang bayi bersama dua orang dewasa lain, manakala seorang lagi wanita duduk di atas bonet," katanya.

Beliau berkata, kira-kira 5 minit kemudian, dia terpancang sebuah lori yang datang dari arah belakang hilang kawalan, sebelum menjerit kepada wanita yang bercakap dengannya supaya menyelamatkan diri.

Kereta diseret 70 meter

"Saya melompat melepasi penghadang lebuh raya bagi menyelamatkan diri sebelum lori itu merempuh dan menyeret kereta mangsa kira-kira 70 meter.

"Kesan heretan menyebabkan kereta dan lori terbakar. Saya segera menghubungi bantuan bomba dan ambulans," katanya.

Kamaruddin berkata, dia cuba menyelamatkan mangsa dalam kereta tetapi gagal berikutan kenderaan itu remuk dan terperosok di bawah lori.

"Saya hanya mampu menjerit dan berdoa mangsa dalam kereta itu selamat namun empat daripadanya rentung," katanya.